



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada SKP berjudul 'Sukar Cari Telefon Awam Di Stesen Bas Putrajaya Sentral' daripada 'Yang Berasa Kesal' yang disiarkan melalui segmen Surat, Berita Harian pada 8 Oktober 2010.

PPj sememangnya komited untuk menyediakan prasarana dan kemudahan yang terbaik untuk keselesaan pengguna Stesen Putrajaya Sentral dan dengan demikian PPj amat mengalu-alukan saranan pengadu berhubung perkara ini. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa PPj sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membolehkan Telekom Malaysia Berhad memasang telefon awam di kawasan platform Putrajaya Sentral.

Berhubung dengan aduan mengenai petugas kaunter informasi pula, pihak PPj memohon supaya pengadu menghubungi talian aduan kami di 03-88873000 atau menerusi emel ppjonline@ppj.gov.my untuk memberi butiran seperti tarikh dan masa insiden yang berkenaan supaya sisatan terperinci berhubung aduan ini dapat dilaksanakan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 14 Oktober 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Berita Harian
Segmen : Surat
M/s : 34
Tarikh : 8 Oktober 2010

Sukar cari telefon awam di Stesen Bas Putrajaya Sentral

SAYA ingin melahirkan rasa kesal dan tidak puas hati dengan keadaan prasarana serta perkhidmatan yang disediakan di Stesen Bas Putrajaya Sentral. Setiap prasarana dan kemudahan awam haruslah lengkap serta berupaya memberikan perkhidmatan memuaskan kepada pengguna yang menggunakan kemudahan terbabit.

Berhubung perkara itu, ketika saya pulang dari tempat kerja, telefon bimbit saya kehabisan bateri. Tetapi di ruang platform menunggu bas langsung tidak kelihatan pondok telefon seperti yang biasa kita temui di tempat awam lain.

Saya terpaksa mencari ke segenap penjuru stesen bas terbabit dan mujurlah saya menemui telefon awam berkenaan yang ditempatkan agak tersembunyi dari pandangan orang ramai. Ini

amat menyulitkan.

Sebelum saya menemui lokasi telefon itu ditempatkan saya ada bertanyakan kepada kaunter informasi, apa yang anehnya mereka tidak mengetahui lokasi telefon awam di tempatkan.

Lebih mengecewakan, apabila hendak menggunakan telefon itu saya terpaksa membeli kad prepaid i-talk walaupun saya hendak menggunakan telefon tidak sampai 10 minit. Kad prabayar yang dijual hanyalah dalam nilai RM5 dan RM10. Bukankah ini tidak praktikal?

Mengapakah Perbadanan Putrajaya tidak menyediakan saja telefon awam biasa? Keadaan ini amat menyusahkan dan saya berasa sungguh kesal dan kecewa.

**YANG BERASA
KESAL,
Puchong.**